Honourable Members in the Opposition Benches have expressed much concern on the fact that after the passing of this Constitutional Amendment Bill, freedom of speech in this House will be restricted because certain specified subjects which are regarded as sensitive issues may not be discussed even in this House. These Honourable Members therefore say, because of these restrictions, Parliamentary democracy in this House would be stifled, and a few would even want us to believe that it will soon be dead. In my view, Mr Speaker, Sir, this is a gross exaggeration. Let us not lose our sense of proportion or let our views be clouded by emotion. As my colleague the Honourable Member for Padawan has pointed out the other day in his speech, the fact that so much heat has been generated and so much emotion aroused in the debate on the Bill, shows the need for some curb on Honourable Members' freedom of speech.

Sitting here, Sir, in the sanctum of the House, we are apt to forget what the average man in the street thinks. If we take a look at the other side of the coin, Sir, don't you think, Sir, that the average citizens would take

a dim view of us when we restrict their freedom of speech by passing the amendment to the Sedition Act, restricting their freedom of speech on subjects regarded as sensitive issues, but preserve our own freedom and full liberty to speak on such matters without fear of bringing on our own heads the penalties which the law that we will pass from time to time, would impose on them. My view is, Sir, that by exercising self-discipline and self-denial on ourselves, and depriving ourselves of the privilege of immunity we would enjoy otherwise, we would set an example to the average citizen.

I think, Sir, we should be pragmatic in our approach in the difficult task of building a multi-racial, multi-lingual, multi-cultural society into one nation. We have to take note of the sensitivity of each of the different communities and reconcile their conflicting interests if we are to succeed. It is wise, in my opinion, to remove such sensitive issues from the field of political controversy.

Finally, I think I should touch on the point which was raised by the Honourable Member for Miri-Subis. He regarded the amendment that sought to put the natives of Sarawak on a par with Malays in West Malaysia as an infringement on the London Agreement. As my colleague, the Honourable Member for Padawan has pointed out, this in no way retracts from the rights of the natives of Sarawak; on the contrary, it rectifies what is perhaps an oversight in the drafting of the Constitution. I do not think that correcting

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): Mr Speaker, Sir, the Honourable Member, I think is wrong in saying that I was against the natives enjoying more rights in Sarawak. Maybe the natives in Sarawak will enjoy the same rights as the Malays. What I tried to point out in my speech is to make jolly sure that there is no infringement of the London Agreement which is an International Agreement, even in giving this extra "present" to the natives in the Borneo States.

Dato' Ong Kee Hui: Mr Speaker, Sir, I am glad the Honourable Member has put us right on this point, because, Sir, we had thought all along that he was against it. I am glad I managed to give him an opportunity to clarify his stand on this.

As I was saying, I do not think that correcting an anomaly could be regarded as

an infringement on the London Agreement. It would neither be right nor just, Sir, to allow the natives of Sarawak to be in point of law second class Bumiputeras, if we are to allow the present provisions in the Constitution to stand uncorrected. I certainly agree with the Sarawak State Coalition Government in the stand they have taken in requesting that this amendment be made to make the natives of the two Borneo States have the same rights and privileges as the Malays in West Malaysia. As my Honourable colleague has stated, the SUPP Members in this House support the Constitution (Amendment) Bill.

I am also glad, Sir, that the SNAP has now also, through its Secretary-General, the Honourable Member for Saratok, expressed qualified support for the Bill. In doing so, however, he proposed a number of amendments to the Bill on the ground that sensitive issues are, in fact, not sensitive as far as Sarawak is concerned, and also that our Council Negri is an older institution than even this Parliament. It is true that except for the S.C.A. all political parties in Sarawak are non-racial in character—even the Bumiputra has a few Chinese members—but there is nothing to stop politicians appealing to racial sentiments in areas where there is a predominance of one race among the electorate in any area in any future elections, as has in fact occurred in a few instances in the last election. If we exclude Sarawak from the provision of the proposed amendment, what guarantee have we that some unscrupulous, irresponsible politicians in the future will not take advantage to further his cause by playing on racial sensitivities? As a former Member of old standing in the Council Negri, I am proud of its tradition and its record. However, I think, it would be arrogant for us to reserve to the Members of Council Negri full freedom of speech and Parliament has to curb itself. I would therefore, in all sincerity appeal to our Honourable friend for Saratok not to seriously pursue his proposed amendments which have been gone through very carefully in the N.C.C., of which the Chairman of his Party, SNAP, was a member and full consultation was made with him by my colleague, the Honourable the Chief Minister of Sarawak, when the amendment to Article 161A was considered. As a multi-racial party, Sir, the SUPP would not have supported the Bill if we think it would be to the detriment of the natives of

Sarawak as well as to the infringement of the legitimate interests of the other non-native races in Sarawak.

May I, in conclusion, Sir, advise my Honourable friend as a layman that Constitutional Law is a very complex subject, and Constitutional amendments a very difficult exercise. Let us leave it to the experts. I have been convinced by my colleague, the Honourable the Attorney General, that the particular amendment to which SNAP takes exception, in no way infringes on the London Agreement. I will, therefore, appeal to SNAP Members in the House to give this Bill their unqualified support as my colleagues and I in the SUPP have done. (*Tepok*).

Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya saya berhajat hendak berchakap panjang dalam Dewan ini, dan hendak menghuraikan sa-banyak sadikit latar belakang sejarah tanah ayer kita ini, tetapi oleh sebab masanya sangat terbatas, biar-lah saya simpulkan sahaja ucapan yang saya hendak sebutkan di-sini dengan perkataan, ia-itu sa-telah 4 hari Dewan ini bersidang dapat-lah kita mengetahui dengan jelas bahawa Parti D.A.P. dan P.P.P. maseh lagi mempunyai suara dan nada² sumbang yang sama saperti yang telah di-huraikan dan di-lakukan-nya sa-belum pilihanraya 1969.

Bagi saya soal ini tidak-lah menghairankan, oleh sebab mereka chuba, saperti kata pepatah Melayu: Hendak menudong bangkai gajah dengan nyiru. Yang demikian biarkan-lah kita melihat bukti dan amalan saperti yang telah di-ucapkan-nya itu meski pun ada sa-bahagian dari-nya telah mula kita melihat perubahan² yang kita harap sa-terus-nya perubahan itu akan dapat di-praktikkan-nya di-masa hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, banyak orang peratakan soal demokrasi liberal ala-barat, dan demokrasi terbatas ala-Malaysia ini. Saya ingin menyentoh soal yang sama ini dari segi tinjauan-nya yang lain sadikit, supaya kita sama² dapat memahaminya dengan lebeh jelas lagi. Sa-belum konsep undang² negara yang kita fahamkan hari ini munchul, manusia telah mempunyai chara² yang asli untuk mengawal tatatertib hidup mereka, ia-itu melalui adat resam yang di-chipta oleh kebijaksanaan nenek-moyang

mereka itu. Oleh sebab saya ini datang daripada Negri yang mempunyai falsafah Adat Perpateh, maka izinkan-lah saya menyebut sa-banyak sadikit berhubung dengan perkara adat ini yang ada kaitan-nya dengan Perlembagaan yang sedang kita binchangkan sekarang.

Negeri ini penduduk² asli-nya, ia-itu orang² Melayu berpegang kapada Adat Perpateh dan Adat Temenggong berabad² lama-nya. Pengaruh dan kekuatan adat ini sangat kuat sa-hinggakan di-kalangan masharakat Melayu terbentok suatu pepatah yang berbunyi: "Biar mati anak, jangan mati adat". Di-England pula adat resam penduduk² asli British semenjak kurun masehi yang ka-sebelas lagi telah menjadi sumbar yang penting bagi terbentok-nya undang² seluruh negara British hari ini, ia-itu Undang² the Common Law.

Sa-lepas kita mencapai kemerdekaan, kita memerlukan suatu undang² yang tertinggi untuk seluruh negara yang boleh mengawal tatatertib bangsa kita yang terdiri dari berbagai² kaum ia-itu Perlembagaan.

Kalau di-dalam zaman silam orang² Melayu di-kawal oleh undang² adat dan mereka sangat patoh kapada undang² itu, maka sekarang mereka di-kawal pula oleh undang² baharu ia-itu Perlembagaan negara. Saya menganggap bahawa Perlembagaan ini ada-lah rukun hidup baharu kita, pedoman untuk semua pedudok yang mempunyai berbagai keperchayaan, berbagai fikiran dan perasaan dan berbagai latar belakang sejarah dan kebudayaan. Orang² Melayu sudah biasa ta'at kapada perintah adat dan raja. Di-kampong² dahulu kala mereka di-anggap sa-bagai anak² buah adat dan jika mereka melanggar adat yang turun menurun itu mereka akan di-pulau dan di-buang dari kampong itu.

Pepatah: "Biar mati anak, jangan mati adat" ini berarti bahawa anak² chuchu kita akan chelaka padah-nya jika mereka melanggar adat. Betapa benar-nya pepatah dahulu kala itu dapat kita buktikan pula di-zaman moden ini. Anak² negeri yang melanggar undang² negara saperti men-derhaka kapada negara, atau membunuh orang lain akan di-hukum sampai mati. Undang² tertinggi negara ia-lah Perlembagaan. Perlembagaan ini sama-lah sifat dan kekuatan-nya dengan sistem adat dahulu kala itu. Anak² negeri, atau warganegara ini

yang melanggar undang² tertinggi yang telah di-chipta, yang telah di-persetujui bersama itu akan menerima padah-nya, sama ada mereka itu akan di-pulau, di-buang negeri dan sa-bagai-nya.

Penduduk² negeri ini yang bukan Melayu mungkin tidak dapat merasai betapa dalam dan hebat-nya pengertian pepatah: "Biar mati anak, jangan mati adat", itu kerana mereka tidak faham dan tidak pernah hidup di-bawah sistem tatatertib yang sama.

Sekarang soal yang timbul ia-lah bagaimana penduduk² negeri ini dapat hidup bersama dalam keadaan perpaduan yang berkekalan. Saya rasa sa-belum kita men-champori, atau menchari formula perpaduan kita mesti menchari dahulu apa-kah unsor² yang kontra perpaduan. Dalam formula perpaduan yang kita susun itu mesti-lah bersifat kekal, jangan sa-chara ad hoc atau sementara sahaja.

Bagi saya unsor² yang sa-lama ini menghalang perpaduan bangsa kita ada-lah sejarah asal usol penduduk negara ini tidak sama. Oleh yang demikian tidak ada kesedaran sejarah yang sama di-kalangan bangsa Malaysia, kesedaran undang² yang sama di-kalangan bangsa Malaysia juga tidak sama dan tidak ada. Persamaan taraf ekonomi tidak ada, kesedaran politik yang sama juga tidak ada dan latar belakang kebudayaan juga tidak sama. Unsur² kontra perpaduan ini ada-lah asas. Yang lain²-nya ada-lah detail²-nya sahaja.

Kita telah chuba mengatasi perbedzaan² ini melalui Perlembagaan kita. Bagi orang² Melayu yang patoh kepada adat, patoh kepada undang², maka Perlembagaan ini boleh-lah di-anggap sa-bagai lambang semangat mereka untuk terus hidup sa-kampong, hidup bekerjasama dan bertolak ansor dengan orang² lain. Dengan syarat orang² lain itu juga sama² patoh dan hormat kepada Perlembagaan tersebut.

Hakikat penting yang perlu kita ingat ia-lah Perlembagaan kita di-chipta bukan dari bahan² dan pengalaman² sejarah yang berabad² lama-nya. Penduduk² negeri ini tidak mempunyai asas sejarah yang sama dan oleh yang demikian tidak dapat kesedaran sejarah yang serupa di-kalangan bangsa kita.

Sejarah Perlembagaan ekonomi negeri ini juga tidak sama, dan tidak sama rata sejak British memerintah dalam tahun 1874. Oleh

kerna itu kita mesti melahirkan Perlembagaan kita dalam bentuk tulisan supaya semua pehak dan anak² chuchuk kita dapat mengkaji dan memahami keadaan sa-umpama ini ada-lah sangat-lah berbedza dari hakikat² yang terdapat di-satengah² negara barat.

Di-negeri barat khas-nya Britain penduduk²-nya mempunyai kesedaran sejarah yang sama dan mereka lahir dari proses perkembangan sistem undang² yang sama, mereka mewarisi undang² adat yang sama. Perlembagaan Inggeris telah di-bentuk sejak Kurun yang ka-13 dari adat resam dan kehidupan serta kebiasaan Raja² dan ra'ayat Inggeris. Pendek kata mereka boleh di-katakan juga telah mempunyai satu kesedaran Perlembagaan yang sama. Oleh kerana itu-lah Perlembagaan Inggeris tidak di-tulis dan bersifat flexible atau bersifat tidak ketat. Malah kebanyakan dari undang² Inggeris tidak bertulis kerana ra'ayat Inggeris mempunyai kesedaran undang² yang sama seperti orang² Melayu dahulu kala yang mempunyai kesedaran dan hukum yang sama di-bawah adat resam yang sama mereka warithi dari nenek moyang mereka. Undang² adat itu tidak di-tulis, tetapi mereka menyedari. Oleh kerana Perlembagaan kita ini bukan-nya lahir dari sejarah yang berabad², maka sifat flexibility Perlembagaan Inggeris tidak boleh kita turut, tidak boleh kita tiru, kerana sifat seperti ini boleh membawa keadaan kucar kaohir dalam konsep perpaduan kita. Sa-suatu Perlembagaan itu di-katakan flexible apabila isi-nya boleh di-ubah dengan mudah sahaja. Perlembagaan kita agak ketat sedikit dalam perkara² yang penting seperti syarat² mengenai Bahasa Kebangsaan, Hak² Istimewa Orang Melayu dan lain² pindaan Perlembagaan seperti yang sedang kita perbahatkan pada hari ini.

Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana ini untuk memperkuat lagi formula perpaduan bangsa Malaysia, maka elok-lah Perlembagaan kita bersifat lebih ketat lagi berhubung dengan soal yang di-anggap penting dan sensitif. Oleh yang demikian, Dato' Yang di-Pertua, saya menyeru-lah kepada parti² Pembangkang khusus-nya D.A.P. dan P.P.P. yang maseh lagi bersifat enggan menyetujui Perlembagaan ini berfikir dengan lanjut dan tidak memikirkan soal² parti dan gulungan bagi mengatasi kepentingan negara dan bangsa kita seluruh-nya.

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menyebutkan sedikit lagi untuk perbandingan. Di-Amerika Sharikat sa-buah negara yang

menjadi jagoh demokrasi dalam dunia ini tidak siapa pun di-benarkan menyentoh Perlembagaan, sama ada menulis, berpidato, menjadikan bahan² kempen dalam pilihan raya dan sa-bagai-nya. Kita tahu demokrasi di-Amerika Sharikat tidak luput dan malahan di-sanjong oleh dunia seluroh-nya. Apa lagi kita di-Malaysia ini yang baharu sahaja masok ka-alam demokrasi 15 tahun, kita rasa sangat perlu satu Perlembagaan yang ketat dan pindaan yang di-majukan oleh Kerajaan ini hendak-lah di-patohi dengan sunggoh². Ini-lah sa-suatu yang kita fikirkan bersama dalam Dewan ini kerana di-tangan Ahli² Dewan yang ada hari ini-lah terletak-nya nasib bangsa kita dan keturunan kita di-masa akan datang. Kalau kita yang ada dalam Dewan ini tidak dapat mewarithi sa-suatu yang baik kepada anak chuchu kita di-masa depan, saya terfikir bahawa anak chuchu kita di-masa depan ini akan mengutok kita.

Kita Ahli² Dewan ini sa-bagai bertanggung-jawab di-atas kuchar-kachir-nya dan perpechahan ra'ayat negara kita ini dalam tempoh 20 atau 30 tahun yang akan datang ini.

Dato' Yang di-Pertua, Perlembagaan Amerika Sharikat ada-lah sa-bagai rigid ia-itu bersifat ketat. Ini sesuai dengan keadaan di-Amerika Sharikat sendiri di-mana penduduk-nya berasal dari berbagai² di-kawasan luar Amerika yang datang daripada berbagai² negara Eropah, yang datang daripada Afrika dan sa-bagai-nya. Mereka mempunyai latar belakang sejarah undang², sosial dan ekonomi yang berlainan. Untuk menjaga perpaduan mereka, maka Perlembagaan Amerika Sharikat itu bersifat ketat, dan bagi kita di-Malaysia ini Amerika Sharikat boleh-lah di-ibaratkan sa-bagai tempat yang boleh kita memandang dan mencontohi dan boleh kita perhatikan baik² kerana Malaysia juga mempunyai bangsa² dan keturunan yang datang dari berbagai² negeri di-Asia ini sa-bagai latar belakang kebudayaan dan sejarah. Yang demikian bentuk Perlembagaan yang ada pada kita hari ini hendak-lah sesuai dengan keadaan di-tanah ayer kita.

Ini-lah, Dato' Yang di-Pertua, dapat saya sampaikan dalam Dewan ini sa-moga mendapat perhatian yang baik daripada sa-tiap Ahli Dewan kita untuk berfikir lebih panjang dan lebih jauh untuk keturunan masa hadapan. Terima kaseh.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu Dewan ini telah membahathkan chandangan hendak meminda Perlembagaan negeri kita atas beberapa perkara yang tertentu. Perkara² itu ada-lah di-anggap sa-bagai perkara² yang sensitif yang tidak boleh lagi di-permain²kan oleh sa-siapa pun sama ada pertubohan² siasah, ahli² siasah atau pun orang² yang lain. Ini bukan-lah sa-kali² niat Kerajaan, atau pun parti² siasah yang berkuasa pada sa'at dan masa ini hendak sa-mata² mengikat kebebasan Ahli² Yang Berhormat Dewan ini daripada berchakap. Ini bukan-lah pertama kali, sa-paroh daripada sa-paroh Ahli² Yang Berhormat Dewan ini berunding dan berbath berkenaan dengan perkara² ini.

Ahli² Yang Berhormat yang juga menjadi Ahli Majlis Perundingan Negara sudah juga memikirkan dan membahathkan dengan panjang lebar-nya serta dalam berbulan² masaalah² ini. Majlis itu berjaya mendapat persetujuan yang luas atas penting-nya masaalah² ini di-beri perhatian yang berat serta menchari ikhtiar mengatasi masaalah² ini, jika sa-kira-nya peristiwa sa-bagai 13 Mei itu hendak di-elak daripada berlaku lagi. Malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, sementara ahli daripada parti² politik yang lain men-champor diri serta bersunggoh² berikhtiar dan berunding hendak mengatasi masaalah² ini D.A.P. maseh lagi bermain parti politik dan enggan hendak mengambil bahagian di-dalam Majlis Perundingan Negara itu. Pada ketika ini pula di-Dewan ini riuh-rendah kita kedengaran bantahan dan tuduhan daripada D.A.P. berkenaan dengan chandangan² Kerajaan hendak mengatasi masaalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ucapan saya ini hendak di-tujukan kepada Ahli² Yang Berhormat daripada D.A.P. yang di-hadapan saya ini dan oleh kerana mereka itu nampak-nya belum lagi chepat boleh mengikuti dan mengerti ucapan dalam Bahasa Kebangsaan, maka izinkan-lah saya bertutor kata sa-patah dua di-dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I fully agree with the Honourable Member for Bandar Melaka that the decision which this House is being asked to make is a momentous one. Never before, perhaps, has the continued stability, peace and prosperity of our

country depended so much on our deliberations, judgment and decision. What is also at stake today, the decision day, is parliamentary democracy itself, a system which we all cherish and are proud of.

One of the proposals which we are asked to consider and approve is to restrict our own freedom of speech in this House on certain specified sensitive issues. The Honourable Member for Bandar Melaka might have been frivolous or even cynical when he referred to these issues—and I include the Honourable Member for Seremban Timor—when they referred to these issues as the “so-called sensitive issues”. These may be the “so-called sensitive issues” to the Honourable Members for Seremban Timor and for Bandar Melaka, but to me and to many of my colleagues here and to many, many more outside this House, these issues are actually and truly sensitive. We can question them, of course, as some have done, but it will be at the peril of our very lives as May the 13th has proved to us.

Tuan Yang di-Pertua, no Honourable Member of this House will willingly put a restraint on his or her freedom of speech unless it is absolutely necessary in the national interest. May the 13th shook the very foundation of our nation and country. Its lessons must never be forgotten. If we do so, our nation runs the risk of another, possibly worse, racial conflict. It is, therefore, for this reason and for this reason alone that the proposals to amend certain provisions of our Constitution are before us. We are the elected representatives of the people. On us has been placed the trust of our people. Our people have placed grave and great responsibilities upon us. They expect and indeed demand of us to discharge our duties responsibly; they expect and indeed demand of us to put the national interests first, always and every time.

Tuan Yang di-Pertua, the Government was accused, is being accused, and will continue to be accused, of being dictatorial. These proposals made by the Government to amend the Constitution have been interpreted by the D.A.P. and the P.P.P. as a further attempt to consolidate, and hence perpetuate, the Government's dictatorial powers and actions. The Government's record, Tuan Yang di-Pertua, all these years, especially during the present Emergency, has amply proved that these allegations are absolutely false. On the contrary, the Government's record of achieve-

ment during all these relatively short years in the economic, educational and social fields, amongst others, has been very impressive. Only Honourable Members like those from Bandar Melaka, Bungsar, Kampar and Menglembu refuse to admit this. It is understandable. They are from top to bottom diehard party politicians playing on the emotions of the people, and without a spark of statesmanship in them. Tuan Yang di-Pertua I shudder to think what would have been the consequences if what happened in Kuala Lumpur on that tragic day of May 13 had spread to the other parts of the country. Only prompt, decisive and effective action by the Government saved the day, saved our country, saved our people and saved our nation from the awful consequences that were bound to follow.

Leaders and Members of the Opposition parties in this House, with the exception, of course, of those from the D.A.P. and the P.P.P., have, in supporting these amendments, shown a commendable act of statesmanship. They have put the national interest before their party's interest.

Tuan Yang di-Pertua, I have purposely refrained from speaking in some detail in support of these amendments. Many speakers before me have spoken giving reasons and the urgent necessity for these amendments. For me to do so again will be repetitious and will undoubtedly bore you, Tuan Yang di-Pertua, as it will bore the other Members. Further, during these last few days you, Tuan Yang di-Pertua, and we on this side of the House have been subjected *ad nauseam* to lectures on democratic socialism.

I have also, Tuan Yang di-Pertua, refrained from answering the allegations made by some Honourable Members pertaining to educational matters. Some of the allegations are patently false, some are based on wrong facts and some are based on unfounded rumours. This is not the occasion for me to reply to these allegations. There will be other occasions when I shall do so.

In conclusion, Tuan Yang di-Pertua, may light and not heat, may reason and not emotion, may the national interest and not party interest, be the guide for these diehard party politicians when they vote on these amendments (*Tepok*).

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Dato' Yang di-Pertua, saya bersama² dengan rakan² saya

menyatakan betapa mustahak, betapa perlu dan juga betapa penting-nya Pindaan ka-atas Akta Perlembagaan ini di-luluskan. Saya katakan bahawa mereka yang menentang terhadap Pindaan² itu merupakan orang² yang sengaja tidak mahu mengakui kenyataan dan kebenaran mengenai perkara² yang wujud di-negeri ini. Mereka ini merupakan orang² yang lebih mengutamakan dan mementingkan diri sendiri daripada kepentingan seluruh ra'ayat dan negara.

Dato' Yang di-Pertua, sa-tengah² daripada Ahli Pembangkang yang telah berucap di-dalam perbahathan ini telah mengongkit dan menchemohkan masaaalah bahasa dan juga Hak Istimewa Orang² Melayu. Saya tidak berhajat hendak menghuraikan perkara² ini dengan lebih lanjut kerana keadaan yang wujud di-negara sekarang nyata menunjukkan bahawa tidak ada sa-suatu bahasa yang telah di-sekat dan di-tenkan daripada di-gunakan di-tengah² wujud-nya bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negeri ini.

Perkara yang hendak saya tegaskan di-sini, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah apa-kah satu jalan, apa-kah satu chara dan apa-kah satu unsur yang boleh di-kemukakan oleh parti² Pembangkang saperti D.A.P. di-dalam usaha hendak menyatu-padukan ra'ayat sesuai dengan penyusunan masyarakat dan iklim negara ini. Pihak D.A.P. mesti-lah menyedari bahawa apa yang wujud di-negeri ini ada-lah berlainan dengan keadaan² yang wujud di-sasabuaah negara lain dan juga negara² jiran.

Masyarakat kita yang berbilang bangsa dan mempunyai latar belakang tradisi dan keadaan hidup yang berbeza² perlukan sa-suatu unsur dan sa-suatu tenaga untuk di-jadikan tunjang dan teras yang boleh mengikatkan perpaduan yang kokoh. Bahasa ada-lah merupakan satu²-nya alat yang sa-baik²-nya k arah menyampai chita² tersebut, sebab itu pengakuan yang jujur dan prektik terhadap kedaulatan dan kepentingan Bahasa Kebangsaan tentu-lah tidak harus di-sekat² lagi.

Dato' Yang di-Pertua, sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat, maka perlu-lah kita hidup dan memperbaiki nasib bangsa kita serta memperkukuhkan kedaulatan negara kita. Kita perlu membentokkan keperibadian kita sendiri tanpa menerima ilham daripada luar melainkan berpandu kapada ilham dan faktor yang nyata terdapat di-dalam aliran hidup masyarakat kita dari-

pada berbagai aspek. Kita tidak mesti-nya mengambil sa-suatu daripada luar yang tidak sesuai dengan kehendak² perpaduan national untuk di-sogokan kapada ra'ayat negara ini, khusus-nya kita tidak mahu ra'ayat di-jadikan alat untuk kepentingan sa-suatu golongan kecil masyarakat yang tidak mementingkan masa depan negara yang sentiasa suka men-chadangkan perkara yang hanya akan men-chetuskan kegelisahan dan purak puranda. Kita perlu menchari dan melaksanakan usaha² yang boleh memberi menafa'at, yang memberi faedah dan mengikat perpaduan ra'ayat yang kokoh.

Dato' Yang di-Pertua, barisan Pembangkang juga telah menyebutkan apa yang dinamakan ra'ayat berkelas² di-dalam negeri ini dengan ada-nya Hak² Istimewa Orang Melayu. Perkara ini dapat kita dengar dan juga dapat kita saksikan sa-masa kita mengadakan kempen pilehanraya beberapa kali pada masa yang sudah². Memandang kapada betapa penting-nya perpaduan yang abadi di-kalangan ra'ayat kita ini untuk menjamin ketenteraman dan kema'moran, maka hak² orang² Melayu ini juga tidak harus di-ongkit².

Bagaimana yang saya katakan tadi bahawa konsep national demokrasi di-negeri ini mesti-lah berasaskan kapada masyarakat dan juga kapada kontek masyarakat di-antara-nya harus-lah berasaskan kapada faktor² yang menyelaraskan pertembongan pengertian hidup dan juga semangat perpaduan. Berdasarkan kapada sejarah orang² Melayu dan bumiputra dalam negeri ini ada-lah ra'ayat yang di-aku² sa-bagai warga asli di-negeri ini, tetapi akibat daripada mereka itu telah tertinggal di-dalam beberapa dan berbagai² lapangan hidup, maka perlu-lah hak² mereka di-kawal dan mereka itu di-beri pula kesempatan di-dalam peluang² membena penghidupan. Manusia mempunyai naluri untuk hidup dan menyelamatkan kehidupan-nya. Manusia yang tersepit dan tertekan kehidupan-nya dan akan memberontak untuk menyelamatkan kehidupan. Oleh kerana itu tidak mahu sa-suatu akibat burok akan berlaku lagi, kerana perasaan tidak puas hati, istimewa mengenai peluang² mendapatkan pembahagian kema'moran di-dalam negara-nya sendiri, maka sebab itu perlu-lah kita meng-awal dan mempraktikkan Hak² Istimewa Orang² Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menggunakan peluang ini untuk menggambarkan kechichiran orang² Melayu di-dalam beberapa

bidang ekonomi. Sungguh pun di-dalam masa pilihanraya² yang sudah parti Pembangkang telah menuduhkan yang pehak Kerajaan memberi segala keutamaan kepada orang² Melayu dan juga menindas orang² bukan Melayu dan menjadikan orang² bukan Melayu sa-bagai orang kelas dua dan sa-bagai-nya, tetapi kalau sa-kira-nya kita pandang daripada apa yang ada di-sekeliling kita nampak-lah kepada kita ia-itu daripada segi ekonomi terutama sa-kali orang kita dan juga bumiputra ada-lah terchichir di-sana-sini. Kita terdapat dan telah nampak segala perusahaan dan perindustrian ada-lah dimiliki dan di-jalankan oleh orang² yang bukan bumiputra. Ada juga tuduhan² sa-masa kita mengadakan pilihanraya yang sudah bahawa banyak daripada permit², lesen² dan sa-bagai-nya berhubung dengan masalaah kayu-kayan dan juga berhubung dengan masalaah lombong telah di-beri kepada orang² Melayu, atau pun orang bumiputra dan menganiayakan orang² yang bukan bumiputra. Maka di-sini saya suka-lah menyebutkan sedikit sa-banyak atau pun membentangkan di-bidang perlombongan pada masa sekarang ini.

Sekarang ini terdapat di-dalam negeri ini sa-banyak lebih kurang 1,009 buah lombong yang di-miliki oleh orang² asing manakala chuma ada 79 sahaja yang di-miliki oleh orang² Melayu.

Bilangan lombong yang di-miliki oleh orang² Melayu ini termasuk-lah lesen² hydrolic yang di-keluarkan atas nama orang² Melayu, atau sharikat Melayu atau pun yang berkongsi dengan orang² yang bukan Melayu. Di-samping itu perangkaan² juga menunjokkan bahawa daripada 37,899 orang pekerja yang di-dapati di-dalam bidang perlombongan ini hanya sa-ramai 8,560 orang sahaja terdiri daripada orang² Melayu. Oleh itu sekarang ini Kementerian saya sedang menjalankan usaha² untuk menambahkan lagi bilangan orang² Melayu menyertai di-dalam lapangan perlombongan.

Chawangan Garudi, Menyiasat Galian, telah pun di-tubuhkan di-dalam tahun 1958 dan usaha² membantukan orang² Melayu telah pun di-jalankan.

Semenjak 1963 Chawangan Garudi itu telah pun menjalankan siasatan sa-banyak lebih kurang 71 buah siasatan ia-itu di-Perak 35 kawasan meliputi lebih kurang 98,000 ekar; Selangor 25 meliputi 65,000 ekar; Pahang 6

kawasan meliputi 70,000 ekar dan di-Negri Sembilan 5 kawasan meliputi lebih kurang 29,000 ekar.

Daripada kawasan ini di-dapati 23 kawasan sa-luas lebih kurang 21,800 ekar boleh di-anggap sa-bagai yang ada mempunyai bijeh atau pun potential

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan kepada Menteri ini bukan laporan kenyataan fasal lombong, ini kita membahaskan fasal undang² ini. Sila berchakap fasal ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Dengan keadaan yang demikian nampak-lah kepada kita ia-itu daripada segi perusahaan perlombongan bilangan orang² Melayu yang mengambil bahagian sa-bagai menjadi pekerja, atau pun mendapat faedah daripada-nya kalau di-bandingkan dengan orang² bukan Melayu ada-lah sangat berkurangan.

Bagitu juga daripada segi hutan sa-hingga hari ini pehak Kerajaan telah mengeluarkan lesen untuk lebih kurang 454 buah kilang papan di-dalam negeri ini dan daripada bilangan ini chuma 51 buah sahaja di-berikan kepada orang Melayu dan yang baki ada-lah di-beri kepada orang bukan Melayu.

Jadi di-sini nampak-lah kepada kita, ia-itu segala kemudahan, atau pun peluang² yang di-nekmati atau di-rasai oleh ra'ayat yang ada di-dalam negeri ini ada-lah lebih banyak kepada orang² bukan Melayu. Jadi di-sini saya suka-lah menyangkal tuduhan² yang dibuat di-dalam pilihanraya² yang sudah mithal-nya ia-itu banyak peluang di-beri kepada orang² Melayu di-bawah hak keistimewaan orang² Melayu ini, bagitu juga daripada segi kilang kayu berlapis kita ada lebih kurang 22 buah kilang papan dan chuma sa-buah sahaja yang di-uruskan oleh orang Melayu. Jadi daripada sini dapat-lah kita saksikan siapa-kah yang sa-benar²-nya menjadi ra'ayat kelas dua dalam negeri-nya sendiri.

Apa yang hendak di-lakukan sekarang. Tuan Yang di-Pertua, ada-lah pembahagian rezki yang adil seperti mana yang telah di-lakukan apabila kera'ayatan dan juga kuasa politik yang sekarang di-nekmati oleh orang² asing yang ada di-dalam negeri ini pada masa yang sudah sekarang telah pun di-beri kera'ayatan kepada mereka. Dengan sebab yang demikian sa-kira-nya perkara bahasa

dan hak istimewa ini tidak di-chegah daripada di-binchangkan ia-nya hanya akan membangkitkan perasaan perkauman bukan sahaja di-kalangan orang² yang mengutarakan-nya, tetapi juga hebat di-kalangan orang² Melayu.

Perbinchangan mengenai perkara bahasa dan hak istimewa orang² Melayu ini tidak sadikit pun akan memberi apa² kebaikan kapada sa-siapa juga. Apa yang perlu di-binchangkan sekarang ia-lah untuk mengemukakan pendapat² dan juga idea² yang boleh melahirkan satu masyarakat yang adil di-dalam negara yang kita chintai. Kita perlu mengemukakan idea² yang ideal di-dalam usaha mengatasi masaalah² ini demi kepentingan jenerasi kita yang akan datang. Kita perlu juga mengujudkan satu asas yang jitu untuk di-ikuti oleh jenerasi yang akan datang. Kita tidak mahu jenerasi yang akan datang menchemok²kan jenerasi sekarang kerana tidak menyediakan satu landasan yang tegas untuk mereka lalu.

Saya sangat²-lah menyokong Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini, kerana saya tidak ingin melihat perkara peristiwa 13 Mei berlaku lagi. Saya berani berkata di-dalam Majlis ini, ia-itu saya sendiri telah pun terlibat di-dalam peristiwa 13 Mei yang saya tidak ingin lagi menerima pengalamannya itu. Sa-kira-nya tidak dengan pertolongan dan bantuan, atau pun tidak dapat diselamatkan, boleh jadi sa-lepas daripada persidangan ini terpaksa-lah di-adakan satu pilihanraya kechil, kerana saya sendiri telah terlibat di-dalam peristiwa 13 Mei.

Saya bersama² dengan rakan² saya pada masa itu Menteri Besar Perak, Dato' Sri Haji Ahmad Said dan juga Menteri Besar yang ada pada hari ini, kami telah datang daripada Ipoh ka-Kuala Lumpur. Pada jam lebeh kurang 8.00 malam sampai sahaja di-Ipoh Road perkara peristiwa itu berlaku dan motokar kami telah di-lontar, di-hunggh, macham² berlaku dan akhir-nya kami terpaksa mengambil perlindungan di-Balai Polis Sentul.

Kalau kita lihat apa yang telah terjadi kapada motokar itu pada adat kata penompang² dalam motokar tidak hidup lagi, tetapi dengan kehendak Allah pertolongan dan barangkali do'a daripada Tuan Speaker sendiri, kami sakalian maseh hidup dan by-election bagi kawasan Kuala Kangsar tidak payah di-adakan. Jadi saya tidak ingin lagi melihat peristiwa itu berlaku, kerana saya

sendiri menyaksi dengan mata saya sendiri bagaimana rakan² saya, sahabat² saya, saudara² saya orang Melayu, China dan India telah pun menjadi mangsa di-dalam peristiwa 13 Mei, sunggoh dahshat. Jadi kita berharap-lah perkara yang sa-umpama itu tidak berlaku lagi bagi pada masa yang akan datang. Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, saya berharap barisan Pembangkang terutama sekali DAP dan PPP akan memberikan pertimbangan yang jujur, pertimbangan yang bertanggung-jawab dan juga pertimbangan yang setimpal dengan hasrat dan chita² ra'ayat terhadap pindaan Perlembagaan ini. Penentangan ada-lah merupakan sikap yang tidak mahu mengakui kenyataan² yang ujud di-negara kita ini. Penentangan juga merupakan sikap yang bertentangan dengan sa-bilangan besar ra'ayat yang ada di-dalam negeri ini. Terima kaseh.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tersangat singkat, saya berdiri di-sini untuk mengeluarkan sadikit pendapat saya mengenai Fasal ini dengan sa-beberapa ringkas yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta (Pindaan) Perlembagaan yang ada dihadapan kita ini, kerana pada fikiran saya, ini ada-lah satu²-nya Akta yang perlu untuk menyelamatkan demokrasi di-dalam negeri kita ini memandangkan kapada kejadian² yang sudah lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian kerana ini-lah sahaja satu² jalan pada hemat saya yang boleh menjamin keamanan dan dapat mengembalikan demokrasi berparlimen dan dapat mengujudkan hasrat bumiputra untuk mencapai taraf penghidupan yang lebeh sempurna atau pun saimbang dengan lain² ra'ayat yang bukan bumiputra yang telah jauh maju dalam negara kita ini. Dan dengan ini dapat-lah pula terjamin hak² atau pun legitimate rights ra'ayat yang bukan bumiputra dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita terpaksa di-pinda sadikit sa-bagai satu ikhtiar untuk mengelakkan terjadi-nya lagi peristiwa 13 Mei seperti Ahli² Yang Berhormat sudah sebutkan beberapa hari yang sudah. Kerajaan dan juga ra'ayat mesti-lah di-beri ketenteraman baharu-lah kita boleh melancarkan ranchangan² untuk memperbaiki, atau memajukan negara kita dalam segala lapangan. Tanpa keamanan segala

chita², segala tenaga kita akan sia² sahaja dan semua-nya menjadi angan² belaka. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada langkah² positive yang mesti kita ambil untuk menyekat kejadian saperti yang telah disebutkan tadi, ia-itu 13 Mei tahun 1969 ialah kita mesti menchari jalan untuk menyekat ra'ayat daripada menyoal, atau membangkit²-kan, atau menchari perkara² yang kita ketahu² sangat sensitive, atau mudah membangkitkan semangat marah yang sudah pun ada tertulis dalam Perlembagaan kita. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja untuk menyelamatkan, atau memper-takutkan ra'ayat supaya jangan tidak menyokong Parti Perikatan tetapi ada-lah untuk menyelamatkan semua ra'ayat dan Parti² Pembangkang termasuk-lah Parti D.A.P.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang wakil daripada Sabah, di-sini tidak-lah lengkap jikalau saya tidak menyebut sedikit perkara di-Sabah. Saya dengan tulus ikhlas-nya menguchapkan berbanyak² terima kaseh atas sokongan Ahli² Yang Berhormat baik daripada Ahli² Yang Berhormat daripada bumiputera, mahu pun bukan bumiputra di-atas pindaan Artikel 153 yang memper-betulkan taraf bumiputra di-Malaysia Timor supaya mendapat hak yang istimewa sa-taraf dengan orang² Melayu di-Malaysia Barat di-sini. Saperti yang telah di-terangkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, ini-lah khabar, atau berita yang sangat baik untuk ra'ayat bumiputra di-sana dan sudah tentu akan mendapat sambutan yang hangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya semua Ahli² Dewan ini dari Malaysia Timor ada-lah menyokong Akta ini dengan sa-penoh-nya dan tidak mempersoalkan lagi perkara² kecil saperti yang di-sebutkan oleh Ahli² dari S.N.A.P. dahulu. Dengan jalan ini saya perchaya bumiputra di-Malaysia Timor tentu-lah boleh mendapat kemajuan yang lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada pehak yang mengatakan bahawa dengan lulus-nya pindaan Undang² ini, maka hapus-lah kelak hak² istimewa yang ada pada bumiputra di-Sabah pada masa ini. Ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah tidak betul sama sa-kali. Sa-benar-nya sa-bagaimana yang telah di-jelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tatkala mengemukakan Bill ini dahulu bahawa Akta ini tidak mengurangkan bahkan akan menambahkan lagi kepada hak

istimewa yang telah sedia ada kepada ra'ayat bumiputra di-Malaysia Timor.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini ingin-lah saya hendak memberi tahu kepada Ahli² Yang Berhormat bagaimana keadaan bumiputra kita di-Malaysia Timor. Untuk pengetahuan Ahli² Yang Berhormat, orang² kita bumiputra di-Sabah dan saya perchaya bagitu juga di-Sarawak ada-lah maseh tersangat jauh ketinggalan kebelakang daripada bumiputra di-Malaysia Barat ini di-beberapa lapangan terutama sa-kali dalam segi pelajaran dan ekonomi. Ini bukan-lah kerana Kerajaan tidak ada berbuat apa², tetapi ada-lah di-sebabkan negeri itu baharu sahaja lebih kurang tujuh tahun terlepas daripada tangan penjajah.

Di-Sabah saperti juga di-Sarawak dan sa-tengah² tempat di-Malaysia Barat ini jurang perbezaan pendapatan maseh tersangat besar yang berkehendakan ubat yang paling mujarab untuk mengubati-nya. Kedai yang besar², perniagaan yang besar², perusahaan yang besar², kebun yang besar² dan sa-bagai-nya maseh hampir² semua-nya berada di-dalam tangan ra'ayat yang bukan bumiputra. Bumiputra saperti yang di-terangkan oleh Ketua Menteri Sarawak ada-lah berada di-bawah sahaja. Hampir² semua maseh dalam gulungan yang tidak berada. Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada tujuan² Akta ini ia-lah untuk memperbetulkan kepincangan ini dengan sa-berapa yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, nasib baik Malaysia terujud dan Malaysia Timor telah terlepas genggam penjahat melalui Malaysia. Sa-lepas ini baharu-lah ada sedikit² peluang yang terdapat oleh bumiputra. Di-bawah pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku waktu beliau maseh menjadi Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak serta Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha dan pemimpin² yang lain, Sabah ada-lah telah lebih maju sedikit sekarang dan bumiputra-nya pun mula²lah mendapat sedikit kemajuan. Tetapi ada maseh banyak lagi yang perlu di-pelajari dan di-terima oleh bumiputra daripada saudara²-nya yang bukan bumiputra untuk memperbetulkan jurang perbezaan dalam segi ekonomi dan pelajaran ini. Oleh sebab itu-lah kita perlu meminda Perlembagaan ini untuk membuka jalan kaarah tujuan kita yang telah pun saya sebutkan tadi supaya dengan jalan ini dapat-lah

kita memperbaiki keadaan ra'ayat bumiputra di-Sabah dan juga di-Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini maka dengan sa-sungguh-nya saya minta-lah kerjasama yang penoh daripada saudara² kita yang bukan bumiputra dalam menjalankan hak istimewa ini supaya chita² kita yang suchi itu, ia-itu menghapuskan jurang perbezaan dalam hal ekonomi dan pelajaran dapat kita lak-sanakan, kerana dengan terchapai-nya mat-lamat ini baharu-lah ra'ayat jelata bersama puas hati dalam negara kita ini.

Kapada ra'ayat bumiputra pula yang berada dalam negeri kita yang di-chintai ini, saya berseru-lah supaya jangan-lah mereka melepaskan peluang ini, atau jangan-lah menjadi manja kerana hak istimewa ini. Hak istimewa ini tidak akan memberi faedah jika ra'ayat bumiputra sendiri tidak berusaha bersungguh² untuk mencari kemajuan dalam segala bidang untuk mengubati penyakit kemundoran yang sudah begitu jelas dalam masharakat kita di-Malaysia ini.

Saya berharap supaya dengan kesedaran ini mari-lah kita berlumba² mencari apa juga jalan yang halal, atau yang di-benarkan oleh Undang² Negara dan Kerajaan untuk menchapai kemajuan supaya kita tidak sentiasa ketinggalan. Orang² bumiputra hendak-lah mengubah chara berfikir-nya sekarang. Mereka mesti-lah perchaya kapada diri sendiri dan mereka mesti menghilangkan sifat² yang tidak apa dan mengharap orang lain sahaja. Kita mesti mengikiskan perasaan, atau anggapan salah yang mengatakan, "rezki sa-chupak tidak akan menjadi sa-gantang" dan kata² yang sa-umpama itu.


Dato’ Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu): Kalau boleh dapat sedikit penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia-itu Fasal 5, ada-kah perkataan “pehak berkuasa awam” itu ter-masok semua sa-kali badan² yang berkanun?

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, ter-masok.

Dato’ S. P. Seenivasagam: Mr Chairman, may I have permission to speak in English.

Tuan Pengerusi: No!

Dato’ S. P. Seenivasagam: I beg your pardon, Sir.

Tuan Pengerusi: No!

Dato’ S. P. Seenivasagam: Thank you, Sir.

Fasal 1 hingga 8 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Meshuarat bersidang sa-mula.

Bachaaan Kali Yang Ketiga

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema’alumkan ia-itu Rang Undang² bernama satu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan telah di-timbang dalam Jawatan-kuasa dan telah di-persetuju-kan tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon menhadangkan bahawa Rang Undang² ini di-bacha kali yang ketiga dan di-luluskan sekarang ini.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 126; Yang Tidak Bersetuju 17; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Tun Haji Abdul Razak bin Dato’ Hussein.
2. Tun Dr Ismail bin Dato’ Haji Abdul Rahman.
3. Tun Tan Siew Sin.
4. Tun V. T. Sambantan.
5. Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir.
6. Tuan Mohamed Khir Johari.
7. Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng.
8. Tan Sri V. Manickavasagam.
9. Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi.
10. Tuan Abdul Ghafar bin Baba.
11. Dato’ Haji Abdul Ghani Gilong.
12. Tuan Lee Siok Yew.
13. Dato’ Hamzah bin Dato’ Abu Samah.
14. Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim.
15. Tuan Hussein bin Dato’ Onn.
16. Dato’ Ong Kee Hui.
17. Tuan Abdul Taib bin Mahmud.
18. Tuan Ali bin Haji Ahmad.
19. Dato’ Abdul Samad bin Idris.
20. Tuan Lee San Choon.
21. Y.M. Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail.
22. Tuan Mohamed bin Yaacob.
23. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
24. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun.
25. Dato’ Haji Abdul Rahman bin Ya’kub.
26. Tuan Musa bin Hitam.
27. Dato’ Syed Nasir bin Ismail.
28. Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar.
29. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid.

30. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don.
31. Tan Sri Haji Nik Ahmed Kamil.
32. Tuan Peter Lo Su Yin.
33. Dr Awang bin Hassan.
34. Tuan Chan Siang Sun.
35. Y.A.M. Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.
36. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais.
37. Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar.
38. Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar.
39. Tuan Tan Cheng Bee.
40. Tuan Azahari bin Md. Taib.
41. Tuan Ajad bin O. T. Oyong.
42. Tuan Hanafiah Hussain.
43. Tuan Chen Ko Ming.
44. Tuan Tajudin bin Ali.
45. Tuan Haji Ahmad bin Said.
46. Tuan Mohd. Chik Johari Majakil.
47. Tuan Shariff Ahmad.
48. Wan Abdul Kadir bin Ismail.
49. Tuan Mohamed bin Rahmat.
50. Tuan Mohamed bin Ujang.
51. Tan Sri Khaw Kai Boh.
52. Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir.
53. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu.
54. Tuan Haji Ahmad bin Arshad.
55. Tuan Ramli bin Omar.
56. Dr Sulaiman bin Mohamed Attas.
57. Dato' Pengarah Banyang anak Janting.
58. Tuan Soh Ah Teck.
59. Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud.
60. Tuan James Stephen Tibok.
61. Tuan Seah Teng Ngiab.
62. Tuan Mohd. Arif bin Salleh.
63. Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid.
64. Chegu Baudi bin Unggut.
65. Tuan Othman bin Abdullah.
66. Tuan Joseph Unting anak Umang.
67. Tuan Lee Seck Fun.
68. Wan Mokhtar bin Ahmad.
69. Pengiran Tahir bin Pengiran Petra.
70. Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar.
71. Tuan Sulaiman bin Bulon.
72. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail.
73. Tuan Haji Shafie bin Abdullah.
74. Tuan Tiah Eng Bee.
75. Tuan Mohd. Salleh bin Dato' Panglima Abdullah.
76. Tuan Sulaiman bin Haji Taib.
77. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin.
78. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin.
79. Tuan Latip bin Haji Idris.
80. Dr Mohamed bin Taib.
81. Tuan Lim Pee Hung.
82. Tuan Hussain bin Haji Sulaiman.
83. Dato' Pang Tet Tshung.
84. Dr Chu Chee Peng.
85. Raja Nong Chik bin Raja Ishak.
86. Tuan Ting Ming Kiong.
87. Tuan Mohd. Nor bin Md. Dahan.
88. Tuan Yeh Pao Tzu.
89. Tuan Haji Ahmad Damanhuri bin Haji Abdul Wahab.
90. Tuan Bojeng bin Andot.
91. Tuan Thomas Gabriel Selvaraj.
92. Tuan Mohammad Said bin Keruak.
93. Tuan Tai Kuan Yang.
94. Tuan Buja bin Gumbilai.
95. Dato' James Wong Kim Min.
96. Tuan Edmund Langgu anak Saga.
97. Dr Lim Chong Eu.
98. Dr Tan Chee Khoon.
99. Tuan Stephen Yong Kuet Tze.
100. Tuan Edwin anak Tangkun.
101. Pengarah Rahun anak Debak.
102. Tuan Yeoh Teck Chye.
103. Tuan V. Veerappan.
104. Tuan Khoo Peng Loong.
105. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong.
106. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah.
107. Penghulu Abit anak Angkin.
108. Tuan V. David.
109. Tuan Mustapha bin Hussain.
110. Tuan Tibuoh anak Rantai.
111. Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah.
112. Tuan Luhath Wan.
113. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah.
114. Tuan Ng Hoe Hun.
115. Tuan Sinyium anak Mutit.
116. Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda.
117. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
118. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.
119. Tuan Abu Bakar bin Umar.
120. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad.
121. Tuan Muhammad Fakruddin bin Haji Abdullah.
122. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim.
123. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus.
124. Tuan Hashim bin Gera.
125. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh.

YANG TIDAK BERSETUJU

1. Dato' S. P. Seenivasagam.
2. Tuan R. C. M. Rayan *alias* R. C. Mahadeva Rayan.
3. Tuan Chan Yoon Onn.
4. Tuan Su Liang Yu.
5. Dr Chen Man Hin.
6. Tuan Lim Kit Siang.
7. Tuan Fan Yew Teng.
8. Dr S. Seevaratnam.
9. Tuan Walter Loh Poh Khan.
10. Tuan Peter Paul Dason.
11. Tuan Lim Cho Hock.
12. Dr A. Soorian.
13. Tuan Hor Cheok Foon.
14. Tuan Loh Jee Mee.
15. Tuan Richard Ho Ung Hun.
16. Tuan Chan Fu King.
17. Tuan Goh Hock Guan.

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada.

Rang Undang² di-bacha kali yang ketiga dan di-luluskan. (*Tepok*).

RANG UNDANG² (PINDAAN) (No. 2) PERLEMBAGAAN

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang² yang bergelar Akta (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan, 1971.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bachaan kali kedua bila?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Pada petang ini juga.

Bachaan Kali Yang Kedua

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² yang bernama Akta (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan, 1971 di-bacha bagi kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di-bahath.

Pada masa Jabatan Peguam Negara menjalankan kerja² menerbitkan perchetakan baharu Perlembagaan Persekutuan telah di-dapati ada beberapa kesalahan, ia-itu rujukan² yang tersilap serta lain² perkataan² yang

tertinggal, yang semua-nya berkehendakkan pindaan² kecil di-buat kepada Perlembagaan. Pindaan² itu ada-lah di-dapati dalam Fasal² Rang Undang² seperti berikut:

Fasal (2): Majlis Raja² dalam persidangan-nya yang ka-74 telah membuat ketetapan bahawa perkataan "His Highness" hendak-lah di-gantikan dengan perkataan "His Royal Highness" dan perkataan "Their Highnesses" di-gantikan dengan perkataan "Their Royal Highnesses" dalam Perlembagaan dan undang² bertulis yang lain. Pindaan ini tidak berlaku dalam naskhah Bahasa Malaysia yang telah di-chetak. Fasal (2) dalam Rang Undang² ini bertujuan untuk melaksanakan ketetapan ini di-dalam naskhah bahasa Inggeris.

Fasal (3): Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1966 antara lain²-nya memasukkan satu syarat kepada Perkara 54 (1) yang bertentangan dengan Sekshen 8 dalam Jadual Ketujuh kepada Perlembagaan. Sungguh pun syarat itu menetapkan tempoh jawatan Ahli Dewan Negara yang di-lantek luar jangka itu hendak-lah 6 tahun mulai dari akhir tempoh 60 hari di-kira dari tarikh sah berlaku-nya kekosongan itu, Sekshen 8 dalam Jadual Ketujuh kepada Perlembagaan pula mensyaratkan bahawa tempoh jawatan bagi sa-saorang yang di-lantek itu menggantikan sa-saorang yang telah mati atau yang telah berhenti menjadi Ahli Dewan Negara sa-belum habis tempoh jawatan-nya, ia-lah sa-lama baki tempoh jawatan itu. Fasal (3) dalam Rang Undang² itu bertujuan untuk membetulkan syarat yang bertentangan itu dengan membuang semua perkataan yang tertera dalam syarat kepada Perkara 54 (1) sa-lepas perkataan "mana² perlantekan yang di-buat sa-lepas tempoh itu".

Fasal (4): Di-bawah Akta Mahkamah² Kehakiman, 1964 sa-saorang Hakim Mahkamah Tinggi yang telah di-naikkan ka-Mahkamah Persekutuan tiada berhenti menjadi Hakim Mahkamah Tinggi dengan sebab kenaikan pangkat-nya itu, tetapi Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1966 menerangkan dengan tiada shak lagi bahawa sa-orang Hakim Mahkamah Tinggi yang telah di-lantek kepada Mahkamah Persekutuan hendak-lah berhenti menjadi Hakim Mahkamah Tinggi. Peruntukan ini terkandung dalam Fasal (10) Perkara 125 sa-bagaimana yang di-masukkan sa-bagai Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1966. Oleh

yang demikian sa-sorang Hakim Mahkamah Persekutuan tidak boleh membicarakan kes² dalam Mahkamah Tinggi. Hakim² Mahkamah Persekutuan telah menyatakan kesanggupan mereka hendak membantu Hakim Besar dan Hakim² Mahkamah Tinggi, jika perlu dan apabila mereka ada kelapangan, terutama sa-kali membicarakan rayuan² sivil dan jenayah daripada Mahkamah² Rendah. Mereka tiada dapat membuat demikian kechuali fasal (10) Perkara 125 dalam Perlembagaan itu di-mansokhkan. Fasal (4) dalam Rang Undang² ini bertujuan hendak memansokhkan Fasal (10) Perkara 125 dalam Perlembagaan itu.

Fasal (5): Fasal (5) ini ia-lah bertujuan membetulkan kesilapan menggubal dalam Perkara 135 yang di-sebabkan oleh kemasokan dalam Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1968 satu syarat bagini bunyi-nya, "sa-lepas Perkara 135" yang sa-patut-nya berbunyi, "sa-lepas Perkara 135 (1)". Ia juga bertujuan membetulkan satu rujukan yang tersalah dalam Fasal (3), ia-itu rujukan perenggan (e) Fasal (1) Perkara 132 oleh kerana satu kesilapan dalam Sekshen 53 (1) Akta Malaysia. Rujukan yang sa-benar-nya ia-lah perenggan (c).

Fasal (6): Fasal (6) ia-lah bertujuan hendak membetulkan satu kesalahan nahu bahasa Inggeris dalam Perkara 144 (5A). Pindaan ini tidak berlaku dalam naskhah yang telah di-buat dalam Bahasa Malaysia.

Fasal (7): Fasal (2) Perkara 159 Perlembagaan telah di-mansokhkan oleh Akta 25 tahun 1963. Fasal ini menguntokkan sa-perti berikut:

"(2) Tiada apa² jua pindaan kapada Perlembagaan ini boleh di-buat sa-belum Parlimen di-tubuhkan mengikut Bahagian 4, kechuali sa-bagaimana yang di-fikirkan perlu oleh Majlis Meshuarat Perundangan untuk menghapuskan apa² kerumitan dalam masa peralehan daripada chara peratoran Perlembagaan yang berkuatkuasa sa-belum sahaja Hari Merdeka kapada chara-peratoran yang diperuntokkan oleh Perlembagaan ini: tetapi mana² undang² yang di-buat menurut Fasal ini, melainkan jika di-mansokhkan terlebih dahulu, hendak-lah terhenti daripada berkuatkuasa apabila habis tempoh dua belas bulan mulai dari tarikh Parlimen mula² bersidang".

Parliamen, Dato' Yang di-Pertua, mula² bersidang pada 11hb September, 1959 dan dengan demikian Fasal ini tiada lagi berkuat-kuasa sa-lepas tarikh itu. Oleh itu rujukan dalam Perkara 159 (4) (c) mengenai

Fasal (2) yang telah di-mansokhkan dalam perkara ini boleh-lah di-sifatkan sa-bagai telah luput. Fasal 7 (a) dalam Rang Undang² ini bertujuan menghapuskan.

Pindaan dalam Fasal 7 (b) ada-lah untuk maksud menyamakan ta'arif.

Fasal (8): Tafsiran perkataan "meminjam" sekarang, yang terdapat dalam Perkara 160 Perlembagaan tiada chukup luas untuk memasokkan urusan² tertentu berkaitan dengan tanah, dengan mana wang di-terima oleh sa-buah negeri. Fasal 8 (a) hendak meluaskan tafsiran perkataan "meminjam" untuk memasokkan apa² perkiraan yang berkehendakkan pembayaran wang sa-belum tarikh kena di-bayar, apa² chukai, kadar, royalty, bayaran atau apa² bayaran lain. Pindaan ini juga membolehkan Kerajaan membuat perjanjian yang mensyaratkan Kerajaan membayar balek atau memulangkan apa² faedah yang telah di-dapati-nya di-bawah perjanjian itu.

Fasal 8 (b) bermaksud membetulkan kesilapan penggubalan yang dahulu.

Fasal (9): Fasal 9, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah bertujuan hendak membetulkan satu kesalahan nahu Bahasa Inggeris dalam Perkara 162 (3). Pindaan ini tidak berlaku bagi naskhah dalam Bahasa Malaysia.

Fasal (10): Fasal (10), Dato' Yang di-Pertua, ada-lah bertujuan untuk menukarkan perbahasaan "Menteri Muda" kapada perbahasaan "Timbalan Menteri". Ada-lah di-fikirkan nama "Timbalan Menteri" lebih sesuai daripada nama "Menteri Muda" yang di-gunakan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua tidak banyak saya hendak berchakap dalam Majlis ini, chuma saya kurang puas hati lagi tentang penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan Rang Undang² (Pindaan) ini tentang perlu-nya penukaran nama Menteri Muda kapada Timbalan Menteri. Apa-kah keperluan itu berdasarkan kapada kurang sedap kalimah Muda yang ada di-situ, sedangkan mungkin nanti ada orang tua yang

menjadi Menteri Muda atau kalimah Timbalan itu lebih banyak kehormatan-nya dan dignity-nya daripada kalimah Muda.

Pada fahaman saya kalau sa-kadar hendak menyedapkan sebut sahaja, maka terlalu sulit atau menyusahkan benar-lah mengemukakan Pindaan ini sa-mata² kerana hendak menyedapkan sebut daripada Menteri Muda kepada Timbalan Menteri.

Saya perchaya barangkali maseh ada lagi alasan² yang lain dari segi kelichinan pekerjaan, atau kelichinan kerja yang mungkin akan di-dapati jika sa-kira-nya Menteri Muda di-tukar menjadi Timbalan Menteri. Kalau sa-kira-nya dari segi pekerjaan dan dari segi penghormatan tidak ada beza, saya rasa agak tidak begitu banyak untong mengubah nama Menteri Muda kepada Timbalan Menteri. Sekian.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan ini dan saya chuma sentoh sedikit sa-banyak tentang dua perkara. Perkara yang pertama tentang Hakim Mahkamah Tinggi. Malang-nya Peguam Negara tidak mengambil kesempatan di-dalam pindaan ini untuk menambah Hakim Mahkamah Tinggi di-negeri kita. Tuan Yang di-Pertua, kami sedar Mahkamah Tinggi selalu kurang Hakim dan oleh sebab itu mengapa-kah Kerajaan tidak mengambil peluang pada masa ini untuk menambahkan Hakim Mahkamah Tinggi.

Perkara yang kedua, yang saya hendak sentoh telah di-sentuhkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu. Saya saperti beliau ada-lah berpendapat bahawa perkataan Menteri Muda ada-lah lebih sesuai daripada perkataan Timbalan Menteri. Beliau berkata tadi barangkali jika sa-orang tua di-lantek sa-bagai Menteri Muda, maka perkataan ini tidak sesuai, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini-lah

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata tidak sesuai. Saya kata mungkin barangkali pehak Kerajaan merasa tidak sesuai.

Dr Tan Chee Khoon: Terima kaseh. Ini menunjokkan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa-kah perkara yang kechil ini sahaja, tetapi Kerajaan oleh sebab hendakkan pangkat besar, atau Menteri hendakkan pangkat besar hendak meminda Perlemba-

gaan kita. Pada pendapat saya Kerajaan ada sa-orang Menteri Muda kepada Jabatan Perdana Menteri sekarang; jika kita mengubah nama Menteri Muda dan menamakan jawatan itu Timbalan kepada Jabatan Perdana Menteri, maka ra'ayat barangkali tahu yang Kerajaan kita ada dua Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah pendapat saya. Saya berharap Kerajaan jangan-lah mengubah nama Menteri Muda dan menggunakan Timbalan Menteri dan jangan-lah membawa pindaan yang saperti ini yang kechil sahaja untuk meminda Perlembagaan kita. Terima kaseh.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Bharu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ada-lah menyokong Rang Undang² Akta (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan Tahun 1971. Tetapi saya akan membawa beberapa perkara ka-perhatian Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya negara kita ada-lah sangat kekurangan Hakim² dalam Mahkamah Tinggi. Selalu-nya banyak kes² yang sentiasa di-tanggoh selama satu atau dua tahun. Perkara penang-gohan ini selalu-nya membawa kesusahan kepada orang ramai yang sedang menunggu penyelesaian kes² mereka. Oleh sebab itu, saya menyokong penoh supaya banyak Hakim di-lantek di-dalam Mahkamah Tinggi dan lantekan itu hendak-lah di-selenggarakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua mengenai Jurubahasa Mahkamah juga sangat kekurangan di-Malaysia. Mithal-nya, di-kawasan saya Kulim atau Bandar Bahru hanya sa-orang Jurubahasa Mahkamah bahasa China. Ia di-tugaskan di-kawasan luar dan banyak masa telah di-buang di-dalam perjalanan dari satu tempat ka-satu tempat lain. Oleh kerana ini orang ramai terpaksa menunggu perkhidmatan-nya saperti membawa surat akuan, atau surat sumpah dan untuk membetulkan surat beranak. Oleh yang demikian, saya mengshorkan kepada Menteri yang berkenaan supaya menambahkan bilangan Jurubahasa² bukan sahaja di-tempat saya bahkan di-semua Mahkamah di-dalam Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu di-dalam surat khabar ada tersiar berita yang mengatak-an sa-orang wanita tidak di-beri menjadi sa-orang jury di-Mahkamah Tinggi. Mengikut

laporan berita ini sa-orang wanita yang telah di-lantek sa-bagai jury di-tolak oleh Hakim. Bagi pendapat saya yang di-tudoh ada berhak untuk menolak sa-orang jury yang telah di-lantek, tetapi boleh-kah sa-orang Hakim membuat demikian? Ada-kah undang² peratoran jury menetapkan hanya kapada laki² sahaja? Jika ada undang² yang menetapkan hanya orang laki² sahaja yang boleh di-lantek, bagaimana-kah siwanita ini di-lantek dan kemudian-nya di-tolak oleh Hakim. Tuan Yang di-Pertua, dunia moden ini dan juga negara kita yang membuat kemajuan ka-arrah kebiasaan wanita, dan di-Dewan ini juga kita pun ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang terdiri dari wanita dan sa-orang Menteri wanita.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: On a point of order dan juga untuk penerangan. Yang pertama Ahli Yang Berhormat itu berucap tidak kena-mengena langsung nampak-nya berkenaan dengan perkara ini; kalau di-biarkan bagini akan melarat² cherita-nya yang tidak kena-mengena langsung berkenaan pindaan ini.

Yang kedua, sa-bagai penerangan mengenai fasal jury itu berthabit dengan Criminal Procedure Code akan di-bawa, akan di-pinda pada masa Parlimen yang akan datang, lagi pun tidak kena-mengena dengan Perlembagaan ini. Itu-lah saya buat penerangan kapada-nya. Telah di-buat dan akan di-bawa ka-Parlimen ini dalam undang² Criminal Procedure Code yang tentu akan datang, tidak kena-mengena dengan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedar, tetapi kalau saya tegor sangat, panjang lagi ucapan-nya. (*Ketawa*).

Tuan Tai Kuan Yang: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya fikir perkara ini berkenaan pindaan itu setakat ini-lah sahaja.

Tuan V. Veerappan (Seberang Selatan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in my humble opinion, although the Explanatory Statement to this Bill states it seeks to make a number of minor amendments and corrections to the Constitution, there is—I hope I am not wrong—more than meets the eye. For example, Clause 5 says “substitute (c) for (e)” —at first I could not even see the difference—but if you look at our Constitu-

tion, paragraph (c) in Clause (3) of Article 135 provides that—

“No member of any of the services mentioned in paragraphs (e), (f) or (g) of Clause (1) of Article 132 shall, without the concurrence of the Judicial and Legal Service Commission, be dismissed or reduced in rank or suffer any other disciplinary measure for anything done or omitted to be done in the exercise of a judicial function conferred on him by law.”

I think the framers of the Constitution must have had some reason for putting this provision in and (e) actually, I think, refers to the railway service in Article 132 and (c) is about the general public service of the Federation, that is, all the civil servants. There must have been some intention to protect because it is not any function but a “judicial function exercised by such officers. I believe, Mr Speaker, Sir, civil servants do exercise quite a great deal of judicial functions or quasi-judicial functions; for example, hearing an inquiry under the Land Acquisition Act and so forth. Therefore, I think if this protection is removed, they will be put in a rather precarious position. That is my humble opinion. I did not expect—Mr Speaker, I think you also did not expect—this Bill to be brought in today and our session cut short.

Now, the second matter is Clause 8 which is amending the meaning, the interpretation, of the word “borrow”. The word “borrow” has the following definition added,

“by entering into any agreement requiring payment before the due date of any taxes, rates royalties, fees or any other payments or by entering into any agreement whereby the Government has to repay or refund any benefits that it has enjoyed under that agreement.”

No doubt, it was the intention of the framers that the States should not borrow from anybody but the Federation and only from the Federation can they borrow, except in cases of short term loans which they can borrow from the banks. But here I think it was intended to defeat the case which was heard and settled in this country. That is the case involving the Kelantan Government and the Federal Government, if I am right. I believe that if the States are prevented from entering into any such agreement, the States would be deprived of putting up some projects which will be for the benefit of the people of those particular States. For example, if a State Development Corporation or something like that would like to put up a building and, say, somebody who has the money

were to put up a building—the State does not have the money and then allows him a period of time to collect the rents and after that that building becomes the States's own building—you cannot do it. Not only that, Mr Speaker, it also prevents the Federal Government from approving such a thing because the provision in the word “borrow” does not allow the Federal Government to even sanction such an arrangement and I think we all know that even some huge railways have been put up by private companies with their own capital and after some time the railway has become the Government's, become the people's. I think this is a very shortsighted amendment because if the definition had put in “that it cannot be done without the sanction of the Federal Government,” then the Federal Government can exercise supervision, but here the Federal Government itself will have no power. I hope we can get a clarification. I hope I am wrong also (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kita berehat sakejap. Persidangan ini di-tempohkan selama 10 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 6.35 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 7.00 malam.

(Tuan Yang di-Putua *mempengerusikan Meshuarat*)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Terlebeh dahulu saya suka hendak membetulkan perhitongan undi² di-atas Bill yang mula² tadi. Ada sedikit kesilapan, di-atas perhitongan pada Bachaan Kali Yang Kedua. Kita dapati Yang Menyokong, 126; dan Yang Tidak Menyokong, 17. Yang sa-benar-nya, Yang Menyokong, 125; dan Yang Tidak Menyokong, 17—itu yang sa-benar-nya. Pada peringkat akhir Bachaan Kali Yang Ketiga, juga Yang Menyokong, 125; dan Yang Tidak Menyokong, 17.

RANG UNDANG² (PINDAAN) (No. 2) PERLEMBAGAAN

Bachaan Kali Yang Kedua

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menjawab

tegoran yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Batu, berkenaan dengan perubahan atau pindaan perkataan Menteri Muda kepada Timbalan Menteri. Perkataan Menteri Muda yang dahulu itu telah di-fikirkan dengan sa-halus²-nya, apakala Menteri² Muda kita keluar meshuarat di-luar² negeri, di-padati di-negeri² lain tidak pernah mengadakan huruf Menteri Muda, sama ada menggunakan Minister of State atau pun Timbalan Menteri. Dalam Meshuarat Antara Bangsa nampak-lah Menteri Muda kita yang bersamaan taraf dengan Timbalan Menteri atau pun Minister of State di-negeri lain merasa kechil di-pandang di-dalam Meshuarat Antara Bangsa. Memandangkan keadaan ini ada-lah lebih sesuai lagi perkataan Timbalan Menteri itu digunakan daripada Menteri Muda.

Tentang chadangan bantahan mengatakan kalau sa-orang Timbalan Menteri itu bekerja di-bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kemudian ada pula perkataan Timbalan Perdana Menteri, akan menjadi kechoh. Pada pendapat saya tidak timbul sama sa-kali, kerana perkataan Timbalan Menteri kepada Perdana Menteri ada-lah sangat berlainan dengan perkataan Timbalan Perdana Menteri. Timbalan Menteri kepada Perdana Menteri ada-lah berlainan sa-kali daripada perkataan yang kita selalu gunakan Timbalan Perdana Menteri.

Berkenaan dengan bilangan hakim, kita telah membuat pindaan dalam Perlembagaan, dalam Undang² Hakim Mahkamah Tinggi daripada dua belas kepada lima belas orang.

Ada Ahli Yang Berhormat menyatakan khas-nya daripada Batu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bharu berkenaan dengan kekurangan Hakim Mahkamah Tinggi yang boleh di-lantek hingga lima belas orang, masa ini ada kekosongan sa-orang dua. Tindakan tentu-lah di-ambil tidak lama lagi bagi melantek untuk menggantikan dua tempat yang ada kekosongan di-Semenanjung Tanah Melayu ini.

Tujuan-nya kita hendak mengubah, meminda dan memberi kuasa kepada Hakim Mahkamah Persekutuan ia-lah dengan tujuan supaya di-beri kuasa boleh mendengar perkara² kes “civil and criminal” dan mengurangkan arrears atau kes² kebelakangan yang tertinggal di-Mahkamah Tinggi. Ini-lah tujuan-nya berkenaan dengan Pindaan Perlembagaan ini.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menjawabnya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) It is clear here that Article 132 (e), under Public Services, refers to the railway service, but in Article 135 (3), it says "No member of any of the services mentioned in paragraph (e), (f) or (g) of Clause (1) of Article 132 shall, without the concurrence of the Judicial and Legal Service Commission be dismissed or reduced in rank or suffer any other disciplinary measure for anything done or omitted by him in the exercise of a judicial function conferred on him by law". It is clear that paragraph (e) is wrong or a misprint there. It must refer to (c) because of the words here—"No member of any of the services . . . shall be dismissed without the concurrence of the Judicial and Legal Service Commission for anything done or omitted by him in the exercise of a judicial function conferred on him by law." It is clear that members of (f) joint public services of either Federal or State (g), the public service of each State [(e) mentions the railway service], and (c), the general public service, are intended to be covered here. It is clear that Article 153 (3) mentions officers of those three services which exercise such powers; for example, District Officers and Assistant District Officers who are given the power to try cases as Second Class Magistrates and other things. If such an officer is to be dismissed or reduced in rank, it cannot be done only by the Public Services Commission but it must be with the concurrence of the Judicial and Legal Service Commission. But the railway service which comes under Article 132 (e) has nothing to do with judicial function. So, (e) clearly refers to (c), which is the general public service of the Federation. I hope that it is very clear to the Honourable Member for Seberang Selatan.

As regards the meaning of the word "borrowing", the object of this amendment is just to tighten the meaning of "borrowing". The meaning remains as it is, but the Honourable Member is very right in that as a result of the Kelantan case, which was heard in the Federal Court, we have to amend the definition "borrowing" so as to make it clear that in future such a method of borrowing is clearly not in accordance with what is really required by the Article in the

Constitution. There is no other implication involved in that case. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju 107; Yang Tidak Bersetuju, Tiada: Yang Tidak Mengundi, 10.

BERSETUJU

1. Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein.
2. Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman.
3. Tun Tan Siew Sin.
4. Tun V. T. Sambanthan.
5. Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir.
6. Tuan Mohamed Khir Johari.
7. Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng.
8. Tan Sri V. Manickavasagam.
9. Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi.
10. Tuan Abdul Ghafar bin Baba.
11. Dato' Haji Abdul Ghani Gilong.
12. Tuan Lee Siok Yew.
13. Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah.
14. Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim.
15. Tuan Hussein bin Dato' Onn.
16. Dato' Ong Kee Hui.
17. Tuan Abdul Taib bin Mahmud.
18. Tuan Ali bin Haji Ahmad.
19. Dato' Abdul Samad bin Idris.
20. Tuan Lee San Choon.
21. Y.M. Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail.
22. Tuan Mohamed bin Yaacob.
23. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
24. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun.
25. Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub.
26. Tuan Musa bin Hitam.
27. Dato' Syed Nasir bin Ismail.
28. Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar.
29. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid.
30. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don.
31. Tan Sri Haji Nik Ahmed Kamil.
32. Tuan Peter Lo Su Yin.
33. Dr Awang bin Hassan.
34. Tuan Chan Siang Sun.
35. Y.A.M. Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.
36. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais.
37. Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar.
38. Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar.
39. Tuan Tan Cheng Bee.
40. Tuan Azahari bin Md. Taib.

41. Tuan Ajad bin O. T. Oyong.
42. Tuan Hanafiah Hussain.
43. Tuan Chen Ko Ming.
44. Tuan Tajudin bin Ali.
45. Tuan Haji Ahmad bin Said.
46. Tuan Mohd. Chik Johari Majakil.
47. Tuan Shariff Ahmad.
48. Wan Abdul Kadir bin Ismail.
49. Tuan Mohamed bin Rahmat.
50. Tuan Mohamed bin Ujang.
51. Tan Sri Khaw Kai Boh.
52. Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir.
53. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu.
54. Tuan Haji Ahmad bin Arshad.
55. Tuan Ramli bin Omar.
56. Dr Sulaiman bin Mohamed Attas.
57. Dato' Pengarah Banyang anak Janting.
58. Tuan Soh Ah Teck.
59. Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud.
60. Tuan James Stephen Tibok.
61. Tuan Seah Teng Ngiab.
62. Tuan Mohd. Arif bin Salleh.
63. Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid.
64. Chegu Baudi bin Unggut.
65. Tuan Othman bin Abdullah.
66. Tuan Joseph Unting anak Umang.
67. Tuan Lee Seck Fun.
68. Wan Mokhtar bin Ahmad.
69. Pengiran Tahir bin Pengiran Petra.
70. Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar.
71. Tuan Sulaiman bin Bulon.
72. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail.
73. Tuan Haji Shafie bin Abdullah.
74. Tuan Tiah Eng Bee.
75. Tuan Mohd. Salleh bin Dato' Panglima Abdullah.
76. Tuan Sulaiman bin Haji Taib.
77. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin.
78. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin.
79. Tuan Latip bin Haji Idris.
80. Dr Mohamed bin Taib.
81. Tuan Lim Pee Hung.
82. Tuan Hussain bin Haji Sulaiman.
83. Dato' Pang Tet Tshung.
84. Dr Chu Chee Peng.
85. Raja Nong Chik bin Raja Ishak.
86. Tuan Ting Ming Kiong.
87. Tuan Mohd. Nor bin Md. Dahan.
88. Tuan Yeh Pao Tzu.
89. Tuan Haji Ahmad Damanhuri bin Haji Abdul Wahab.
90. Tuan Bojeng bin Andot.

91. Tuan Thomas Gabriel Selvaraj.
92. Tuan Mohammad Said bin Keruak.
93. Tuan Tai Kuan Yang.
94. Tuan Buja bin Gumbilai.
95. Dato' James Wong Kim Min.
96. Tuan Edmund Langgu anak Saga.
97. Dr Lim Chong Eu.
98. Dr Tan Chee Khoon.
99. Tuan Stephen Yong Kuet Tze.
100. Tuan V. Veerappan.
101. Tuan Khoo Peng Loong.
102. Tuan Mustapha bin Hussain.
103. Tuan Tibuoh anak Rantai.
104. Tuan Luhut Wan.
105. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah.
106. Tuan Ng Hoe Hun.
107. Tuan Sinyium anak Mutit.

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada.

YANG TIDAK MENGUNDI

1. Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah *alias* H. Y. Rawa.
2. Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda.
3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
4. Tuan Nik Abdul Aziz.
5. Tuan Abu Bakar bin Umar.
6. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad.
7. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah.
8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus.
9. Tuan Hashim bin Gera.
10. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sebagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 10—

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Pengerusi, saya hendak minta supaya pehak Kerajaan menggantikan cha-dangan-nya, ia-itu

Tuan Pengerusi: Ada beri kenyataan hendak membuat pindaan apa?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya minta pehak Kerajaan menchadangkan!

Tuan Pengerusi: Ta' boleh! Kalau ta' ada kenyataan terlebih dahulu, ta' boleh!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya minta pehak Kerajaan meminda kepada . . .

Tuan Pengerusi: Kalau hendak pinda itu, hendak-lah beri kenyataan sa-hari terlebih dahulu!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Itu chadangan saya, Tuan Pengerusi. Ini saya minta Kerajaan meminda-nya.

Tuan Pengerusi: Oh! minta Kerajaan meminda?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya!

Tuan Pengerusi: Ta' boleh, kata-nya (*Ketawa*).

Fasal 1 hingga 10 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Meshuarat bersidang sa-mula.

Bachaaan Kali Yang Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alumkan bahawa suatu Akta (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan, 1971, telah di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa dan telah di-persetujukan. Saya mohon menchadangkan, ia-itu Rang Undang² ini di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan sekarang.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 105; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, 10.

YANG BERSETUJU

1. Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein.
2. Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman.
3. Tun Tan Siew Sin.
4. Tun V. T. Sambanthan.
5. Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir.
6. Tuan Mohamed Khir Johari.

7. Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng.
8. Tan Sri V. Manickavasagam.
9. Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi.
10. Tuan Abdul Ghafar bin Baba.
11. Dato' Haji Abdul Ghani Gilong.
12. Tuan Lee Siok Yew.
13. Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah.
14. Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim.
15. Tuan Hussein bin Dato' Onn.
16. Dato' Ong Kee Hui.
17. Tuan Abdul Taib bin Mahmud.
18. Tuan Ali bin Haji Ahmad.
19. Dato' Abdul Samad bin Idris.
20. Tuan Lee San Choon.
21. Y.M. Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail.
22. Tuan Mohamed bin Yaacob.
23. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
24. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun.
25. Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub.
26. Tuan Musa bin Hitam.
27. Dato' Syed Nasir bin Ismail.
28. Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar.
29. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid.
30. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don.
31. Tan Sri Haji Nik Ahmed Kamil.
32. Tuan Peter Lo Su Yin.
33. Dr Awang bin Hassan.
34. Tuan Chan Siang Sun.
35. Y.A.M. Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.
36. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais.
37. Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar.
38. Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar.
39. Tuan Tan Cheng Bee.
40. Tuan Azahari bin Md. Taib.
41. Tuan Ajad bin O. T. Oyong.
42. Tuan Hanafiah Hussain.
43. Tuan Chen Ko Ming.
44. Tuan Tajudin bin Ali.
45. Tuan Haji Ahmad bin Said.
46. Tuan Mohd. Chik Johari Majakil.
47. Tuan Shariff Ahmad.
48. Wan Abdul Kadir bin Ismail.
49. Tuan Mohamed bin Rahmat.
50. Tuan Mohamed bin Ujang.
51. Tan Sri Khaw Kai Boh.
52. Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir.
53. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu.
54. Tuan Haji Ahmad bin Arshad.
55. Tuan Ramli bin Omar.

56. Dr Sulaiman bin Mohamed Attas.
57. Dato' Pengarah Banyang anak Janting.
58. Tuan Soh Ah Teck.
59. Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud.
60. Tuan James Stephen Tibok.
61. Tuan Seah Teng Ngiab.
62. Tuan Mohd. Arif bin Salleh.
63. Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid.
64. Chegu Baudi bin Unggut.
65. Tuan Othman bin Abdullah.
66. Tuan Joseph Unting anak Umang.
67. Tuan Lee Seck Fun.
68. Wan Mokhtar bin Ahmad.
69. Pengiran Tahir bin Pengiran Petra.
70. Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar.
71. Tuan Sulaiman bin Bulon.
72. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail.
73. Tuan Haji Shafie bin Abdullah.
74. Tuan Tiah Eng Bee.
75. Tuan Mohd. Salleh bin Dato' Panglima Abdullah.
76. Tuan Sulaiman bin Haji Taib.
77. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin.
78. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin.
79. Tuan Latip bin Haji Idris.
80. Dr Mohamed bin Taib.
81. Tuan Lim Pee Hung.
82. Tuan Hussain bin Haji Sulaiman.
83. Dato' Pang Tat Tshung.
84. Dr Chu Chee Peng.
85. Raja Nong Chik bin Raja Ishak.
86. Tuan Ting Ming Kiong.
87. Tuan Mohd. Nor bin Md. Dahan.
88. Tuan Yeh Pao Tzu.
89. Tuan Haji Ahmad Damanhuri bin Haji Abdul Wahab.
90. Tuan Bojeng bin Andot.
91. Tuan Thomas Gabriel Selvaraj.
92. Tuan Mohammad Said bin Keruak.

93. Tuan Tai Kuan Yang.
94. Tuan Buja bin Gumbilai.
95. Dato' James Wong Kim Min.
96. Tuan Edmund Langgu anak Saga.
97. Dr Lim Chong Eu.
98. Dr Tan Chee Khoon.
99. Tuan Stephen Yong Kuet Tze.
100. Tuan Khoo Peng Loong.
101. Tuan Mustapha bin Hussain.
102. Tuan Tibuoh anak Rantai.
103. Tuan Luhut Wan.
104. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah.
105. Tuan Ng Hoe Hun.

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada.

YANG TIDAK MENGUNDI

1. Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah *alias* H. Y. Rawa.
2. Dato' Haji Mohamed Asri bin Muda.
3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
4. Tuan Nik Abdul Aziz.
5. Tuan Abu Bakar bin Umar.
6. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad.
7. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah.
8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus.
9. Tuan Hashim bin Gera.
10. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh.

Rang Undang² ini di-bacha kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang, hari Selasa, 9hb Mach, 1971.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.30 malam.